



حَبَابُ خَالِ الْجَوَالِ الْكَامِلِ اسْتِثْبَاتِ

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

29 ZULHIJAH 1443H/ 29 JULAI 2022M

### MAAL HIJRAH WADAH PERUBAHAN KE ARAH KEMAJUAN

Disediakan oleh:

Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang **bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis** dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman **denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.**

Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.

Khutbah ini hendaklah dibaca oleh **Imam Qariah** atau **Imam Rawatib** yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).


Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.

Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.

Sepanjang tempoh PKP, khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh **10 - 15 minit** sahaja.

#### KHUTBAH TELAH DISEMAK

TARIKH DISEMAK : 7.7.2022

PEGAWAI PENYEMAK : 

MUHD ZARATKHAN ABD RAHMAN

#### KHUTBAH RASMI JHEAINS

DILULUSKAN PADA : 14/07/2022

DIBACA PADA : 29/07/2022

DILULUSKAN OLEH : 

BAKARUDIN HJ. A. M. I.  
Ketua Penolong Pengarah  
Bahagian Penyelidikan & Informasi  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

## KHUTBAH PERTAMA

### MAAL HIJRAH WADAH PERUBAHAN KE ARAH KEBAIKAN

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

الَّذِينَ آمَنُوا وَهَاجَرُوا وَجَاهَدُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنْفُسِهِمْ لِأَعَظَمِ دَرَجَةٍ عِنْدَ اللَّهِ  
وَأُولَئِكَ هُمُ الْفَائِزُونَ (التوبة: ٢٠)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ ، اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ .  
أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ .

#### **SIDANG JAMA'AH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,**

Pada hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya sendiri dan kepada sidang Jumaat sekalian, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan memperkukuhkan pengabdian diri kepada-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan dengan itu kita akan dipayungi rahmat Allah SWT di dunia dan di akhirat. Mimbar pada hari yang mulia ini mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk "**MAAL HIJRAH WADAH PERUBAHAN KE ARAH KEBAIKAN**"

#### **KAUM MUSLIMIN JAMA'AH JUMAAT YANG DIMULIAKAN**

Kehadiran bulan Muharram sebagai awal permulaan tahun dalam takwim Islam di negara ini ditandai dengan perayaan Maal Hijrah. Perayaan ini merupakan suatu upaya mengajak umat Islam di negara ini menghayati dan mengambil iktibar peristiwa agung penghijrahan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat dari Makkah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah sebagai memenuhi perintah Allah SWT.

Maal Hijrah yang bererti "*bersama hijrah*" mempunyai falsafah mengajak umat Islam menyerap semangat hijrah untuk berusaha memperbaharui atau memperbaiki sistem nilai dan budaya daripada keadaan daif kepada keadaan lebih baik lagi berkualiti. Terangkum di dalamnya semangat membina tekad dan keazaman untuk menjadi hamba Allah yang cemerlang dengan kesedaran bahawa orang yang paling berjaya ialah orang yang hari ini lebih baik dari semalam dan orang yang gagal adalah orang yang hari ini lebih teruk dari semalam, sedangkan orang yang terpedaya adalah orang yang hari ini sama dengan hari semalam.

Aspirasi ini begitu relevan kini, mengingat bahawa antara sifat semulajadi manusia adalah mudah leka, terpedaya dan tunduk kepada keinginan hawa nafsu hingga menyebabkan mudah terjebak melakukan perkara yang melanggar hukum Allah SWT. Padahal, kita sebagai umat Islam seharusnya sentiasa memelihara diri agar tetap menjadi orang yang beriman dan bertakwa dengan sentiasa mentaati perintah Allah dan menjauhi larangan-Nya.

## **PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH!**

Maal Hijrah menghimbau umat supaya berubah dari suatu keadaan tidak baik kepada keadaan yang lebih baik dengan meninggalkan ajaran bertentangan dengan Islam dan kembali kepada ajaran Islam sebenar. Ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Amr, yang bermaksud:

*"Seorang Muslim adalah orang yang tidak merugikan Muslim lainnya dengan lidah, mahupun dengan kedua tangannya. Dan seorang Muhajir (orang yang berhijrah) adalah orang yang meninggalkan semua larangan Allah SWT." (HR. al-Bukhari)*

Penghijrahan kepada keadaan yang lebih baik menjadikan hati, perkataan dan perbuatan akan bersih daripada segala maksiat, dosa serta syirik. Kerana itu, tanamkanlah dalam diri sifat sentiasa takut untuk berbuat dosa seperti meninggalkan solat, tidak berpuasa, enggan mengeluarkan zakat, memberi atau menerima rasuah, berjudi dan sebagainya kerana akibatnya bukan sahaja mendapat dosa bahkan dibenci oleh Allah. Malahan, hati menjadi gelap, disempitkan pintu rezeki, doa tidak dimakbulkan dan lebih buruk lagi mendapat azab seksa di akhirat sejajar dengan firman Allah:--

إِنَّ الَّذِينَ يُؤْذُونَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ لَعَنَهُمُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَأَعَدَّ لَهُمْ عَذَابًا مُّهِينًا

**Maksudnya:** "Sesungguhnya orang yang melakukan perkara yang tidak diredhai Allah dan Rasul-Nya, Allah melaknat mereka di dunia dan di akhirat, dan menyediakan untuk mereka azab seksa yang menghinakan." (S. al-Ahzab: 57).

Demikian merupakan amaran serta ancaman Allah SWT ke atas mereka yang melanggar perintah dan larangan agama serta enggan bertaubat, namun masih ada juga yang berterusan melakukan perbuatan mungkar dan maksiat dengan sengaja. Malahan ada yang tidak segan silu melakukannya secara terang-terangan. Maka, timbul persoalan, apakah yang menyebabkan sebilangan orang masih berani terus melakukan dosa sedangkan mereka tahu bahawa setiap perbuatan dosa pasti ada balasannya.

Mungkin salah satu sebab mengapa sebilangan umat Islam terus lalai dan tidak takut untuk terus berbuat perbuatan yang berdosa adalah kerana mereka belum menerima balasan akibat dari perbuatan dosa yang dilakukan. Sedangkan jika seseorang itu telah berbuat dosa dan tidak menerima balasannya di dunia ini, jangan sekali-kali terfikir dia akan terlepas daripada menerima hukuman Allah. Hal ini diperingatkan oleh Allah SWT menerusi Firman-Nya sebagaimana dalam surah Maryam ayat 75:--

قُلْ مَنْ كَانَ فِي الضَّلَالَةِ فَلْيَمْدُدْ لَهُ الرَّحْمَنُ مَدًّا هَ حَتَّىٰ إِذَا رَأَوْا مَا يُوعَدُونَ إِمَّا  
العَذَابَ وَإِمَّا السَّاعَةَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ هُوَ شَرُّ مَكَانًا وَأَضْعَفُ جُنْدًا

**Maksudnya:** "Katakanlah wahai Muhammad, sesiapa yang berada di dalam kesesatan biarlah Allah (Ar-Rahman) melanjutkan baginya satu tempoh yang tertentu hingga apabila mereka melihat apa yang dijanjikan kepada mereka sama ada azab sengsara dunia ataupun azab kiamat, maka pada saat itu mereka akan mengetahui siapakah orangnya yang lebih buruk kedudukannya dan lebih lemah penyokong-penyokongnya". (Maryam: 75)

### HADIRIN JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA!

Bersempena dengan ketibaan bulan Muharram tahun ini, marilah kita semua berazam untuk menjadi hamba Allah SWT yang lebih baik dengan menginsafi kekurangan serta kelemahan diri dengan segera bertaubat dan meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Langkah ini sebagai persiapan kita menghadapi hari kemudian mengingat bahawa ketibaan tahun baru meningkatkan usia kita dan menghampiri ajal.

Untuk berubah ke arah yang lebih baik dan terbaik bukan hanya dengan omongan dan angan-angan belaka. Tetapi ia hendaklah disusuli dengan tekad, keazaman yang tinggi, usaha serta semangat yang bersungguh-sungguh. Dan ingatlah bahawa sesiapa yang mengerjakan sesuatu amal kebajikan, sedang dia beriman, maka tiadalah disia-siakan amal usahanya. Hayatilah janji Allah dalam suran al-Ankabut ayat 69 kepada mereka yang berusaha memperbaiki diri dan amalannya. Allah berfirman:--

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ ؕ

**Maksudnya:** "Dan orang yang berusaha dengan bersungguh-sungguh kerana memenuhi kehendak agama Kami, sesungguhnya Kami akan memimpin mereka ke jalan-jalan Kami (yang menjadikan mereka bergembira serta beroleh keredaan); dan sesungguhnya (pertolongan dan bantuan) Allah adalah beserta orang yang berusaha memperbaiki amalannya." (S. al-Ankabut: 69).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلِكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلِكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيك س خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأُمِّيِّ، وَعَلَى  
آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرَكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرَكُمْ  
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ  
مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ ارْضَ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ أَجْمَعِينَ وَعَنْ التَّابِعِينَ  
وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ  
الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتَةَ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ  
الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوك يَغْ دَقْرَتَوَانِ اكَوْغْ

وَفَخَامَةِ الرَّئِيسِ الْأَعْلَى تَوَانِ يَغِ تَرَاوَتَامِ يَغِ دَقْرَتَوَانِ نَكْرِي سَابِهِ . وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ  
الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً ، إِنَّكَ رَعُوفٌ رَحِيمٌ .

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا  
بَطَنَ ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً ، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً ، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ ، وَالْجُنُونِ ، وَالْجُدَامِ ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ ، يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah! Naungilah kehidupan kami dengan kesejahteraan, keamanan, keselamatan serta kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati. Hiasilah diri kami dengan sifat-sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat-sifat yang terkeji.

Ya Allah, Jadikanlah kami dan daripada keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, menunaikan zakat, mengerjakan ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redhai. Sesungguhnya hanya kepadaMu jua Ya Allah tempat Kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .  
عِبَادَ اللَّهِ ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعْظُمُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ  
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ .

\*\*\*\*

Disediakan dan diedar oleh:  
Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:** Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi  
Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Sebaran Am, JHEAINS  
Tel: 088-522127/ jheains.penerbitan@gmail.com



Pihak JHEAINS berusaha untuk mempertingkatkan kualiti khutbah Jumaat yang diterbitkan. Maklum balas dari pihak tuan/ puan amat dihargai. Sila semak QR code ini. Sekian, terima kasih.